

Sungai Keroh yang keruh

KOSMO 7/2/07

KUALA LUMPUR - Memang secocok dengan namanya. Itulah gambaran air Sungai Keroh, Kepong di sini yang bukan sahaja keruh malah sudah bertukar menjadi hitam pekat.

Aliran air sungai yang dahulunya jernih dan menjadi lubuk pancing penduduk setempat kini tidak ubah seperti 'tong sampah' kerana terdapat pelbagai sampah di dalamnya.

Lebih memburukkan keadaan, air kumbahan yang belum dirawat dari sebuah loji pengolahan kumbahan bersebelahan pangsapuri Mutiara Magna, Metro Prima, Kepong itu turut disalurkan ke sungai tersebut.

Hasil tinjauan mendapati, saluran dari loji pengolahan kumbahan itu bukan sahaja mengeluarkan air berwarna perang tetapi juga hitam.

Malah bau air sungai yang bercampur dengan air najis itu mampu membuatkan penduduk perumahan berdekatan pening dan sesak nafas.

Selain itu, keluasan sungai tersebut juga didapati semakin mengecil apabila dihimpit projek-projek pembinaan perumahan di bahagian kiri dan kanan sungai.

Timbalan Pengerusi Persatuan Penduduk Mutiara Magna, A. Ganesan, 44, berkata, beliau menyedari air najis dilepaskan ke sungai selepas berlaku runtuhannya tebing di



MARY YONG



CHOONG KIM SOON

situ April tahun lalu.

"Tengok sahaja air berwarna perang dan hitam pekat yang keluar dari saluran loji ini, saya boleh agak ia belum dirawat," jelasnya.

Selain itu katanya, pendu-



GANESAN menunjukkan Sungai Keroh, Kepong yang teruk tercemar sehingga airnya bertukar kehitam-hitaman.

duk sudah tidak tahan lagi menghidu bau busuk sungai itu yang semakin tidak terjaga.

Seorang penghuni, Mary Yong, 63, berasa sedih apabila melihat keadaan sungai yang dahulunya bersih.

"Saya melihat sendiri perubahan yang berlaku pada sungai ini. Dulu, orang boleh turun bermain air sungai tetapi kini tidak lagi," katanya.

Menurutnya, pihak berkaitan seperti Jabatan Pengai-

ran dan Saliran (JPS) perlu memantau dan menaiktaraf sungai sebelum menjadi lebih parah.

Choong Kim Soon, 60, turut berharap agar Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.,

membaik pulih kembali sistem loji berkenaan dengan segera.

"Kalau terus dibiarkan macam ini, Sungai Keroh tidak akan bersih sampai bila-bila," tegasnya.